

# Sistem kewangan Malaysia mampu tangani kejutan - IMF



Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@nstp.com.my

f Share

🐦 Tweet

g+ Share

KUALA LUMPUR: Sistem kewangan Malaysia dilihat berada pada kedudukan yang baik untuk menangani kejutan standard, demikian mengikut penilaian terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Ketua Misi IMF ke Malaysia, Nada Choueiri, berkata keuntungan dan kecairan bank tempatan adalah teguh, manakala sektor korporat mendapat manfaat secara sederhana.

Beliau berkata, hutang isi rumah adalah tinggi, namun berkurangan dari segi peratusannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), dan risiko dalam pasaran perumahan dilihat boleh diuruskan.

“Walaupun sektor kewangan kini berdaya tahan, pemantauan rapi pihak berkuasa dan penilaian aktif langkah-langkah untuk mengurangkan risiko adalah dialu-alukan,” katanya dalam kenyataan sempena kunjungan IMF ke Kuala Lumpur dan Putrajaya dari 29 November hingga 12 Disember 2018.

Kunjungan yang diketuai Choueiri itu dibuat bagi membincangkan Rundingan Artikel IV 2019 bersama Malaysia.

Choueiri berkata ekonomi Malaysia telah menunjukkan daya tahan pada tahun-tahun kebelakangan ini dan terus mempamerkan prestasi baik.

Katanya, pertumbuhan KDNK benar menyederhana sejajar dengan jangkaan dan diunjurkan pada 4.7 peratus untuk 2018, didorong oleh permintaan domestik.

“Kadar inflasi berkurangan dan dijangka berada sekitar 1.1 peratus tahun ini. Pertumbuhan kredit telah memulih semula baru-baru ini dan aliran keluar modal berada di dalam kawalan. Lebihan akaun semasa diunjurkan menurun kepada 2.1 peratus daripada KDNK.

“Menuju ke hadapan, pertumbuhan KDNK untuk 2019 diunjurkan pada 4.5-5.0 peratus, dengan permintaan domestik kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, sementara tarif Amerika Syarikat (AS) kepada import dari China dijangka memberi impak buruk keseluruhan terhadap pertumbuhan Malaysia. Inflasi pula berada pada purata 2.2 peratus, dengan kesan pemansuhan GST tidak dirasai lagi.

“Risiko terhadap prospek pertumbuhan adalah berkurangan. Dari segi luaran, Malaysia terdedah kepada peningkatan dasar perlindungan, pengetatan bagi keadaan kewangan global dan pertumbuhan rakan dagangan yang lebih lemah daripada jangkaan. Di peringkat domestik, liabiliti luar jangka mungkin memerlukan langkah tambahan untuk memastikan kemampanan fiskal jangka sederhana,” katanya.

Beliau menambah, walaupun defisit belanjawan yang dijangka untuk tahun 2018 menunjukkan berlaku kelewatan terhadap penyesuaian fiskal, langkah yang dirancang kerajaan untuk penyatuan fiskal untuk 2019 adalah mencukupi dan akan membantu membina penampan dan mengekalkan keyakinan pasaran kewangan.

Dalam jangka sederhana, katanya dasar fiskal perlu mengikuti langkah penyatuan secara perlahan-lahan.

“Komposisi pelarasan perlu ditambah baik untuk menjadikannya lebih berasaskan kepada pendapatan, memberi ruang untuk peningkatan perbelanjaan sosial bagi menyokong pertumbuhan inklusif.

“Rangka kerja dasar monetari Malaysia telah menunjukkan prestasi yang baik, menyampaikan kestabilan harga dan output. Pendirian dasar monetari semasa yang netral adalah mencukupi memandangkan pertumbuhan yang hampir berpotensi, tiada tekanan inflasi dan mengetatkan keadaan kewangan secara beransur-ansur.

“Kebergantungan berterusan terhadap fleksibiliti kadar pertukaran dan pelarasan dasar makroekonomi harus menjadi penampan pertama terhadap kejutan luaran,” katanya.